

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 15 OGOS 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 26

## Tawaran kerja naik 2.4 peratus pada suku kedua

### Tawaran kerja naik 2.4 peratus pada suku kedua

Jumlah pekerjaan yang ditawarkan pada suku kedua tahun ini meningkat sebanyak 2.4 peratus kepada 8.83 juta jawatan berbanding 8.62 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lalu, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata, trajektori positif pasaran buruh di Malaysia berterusan sehingga suku kedua tahun ini, sekaligus menunjukkan permintaan yang berterusan.

"Dengan peningkatan sebanyak 208,100 jawatan dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan mencapai 8.83 juta, melebihi bilangan pada tahun sebelumnya iaitu 8.62 juta yang dicatatkan pada suku kedua 2022."

"Berikutnya ini, tren peningkatan dalam bilangan jawatan diisi dapat dilihat meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada 8.64 juta jawatan pada suku kedua 2023," katanya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun, Mohd Uzir berkata bilangan kosongan jawatan mengalami pertumbuhan negatif, menurun sebanyak 0.9 peratus kepada 189,600 lekosongan daripada 191,300 pekerjaan pada suku kedua 2022.

"Dalam tempoh ini, kadar jawatan diisi dan kekosongan jawatan masing-masing merekodkan 97.9 peratus dan 2.1 peratus, mengejarkan pasaran buruh yang semibang dan berdaya saing," katanya.

Beliau menjelaskan, semua sektor ekonomi menunjukkan pertumbuhan positif tahun ke tahun dengan perlombongan & pengkuarian menjadi penyumbang utama melalui kadar pertumbuhan tertinggi sebanyak 3.6 peratus, dilikuti oleh pembuatan (3.1 peratus) dan pertanian (3.0 peratus).

"Melihat kepada pecahan pekerjaan mengikut sektor ekonomi, sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar bagi jawatan diisi dengan merekodkan 4.55 juta jawatan, merangkumi 52.7 peratus daripada jumlah jawatan diisi," katanya.

Menurut DOSM, Malaysia mencatatkan peningkatan pewujudan jawatan yang lebih banyak pada suku tahun ini, dengan sejumlah 31,900 jawatan baharu bagi memenuhi permintaan yang meningkat berikutan pemulihan ekonomi.

"Mengikut kategori kemahiran, kebanyakan jawatan diisi adalah dalam kategori separuh mahir dengan menyumbang 59.6 peratus (19,000 pekerjaan) dilikuti oleh mahir dengan 29.4 peratus (9,400 pekerjaan) dan berkecukupan rendah (11 peratus, 3,500 pekerjaan)," katanya.